

Bomba 'terbangkan' Felly ke hospital

Oleh AIMUNI TUAN LAH

GUA MUSANG - Unit Udara Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) melakukan penerbangan ihsan untuk membawa seorang kanak-kanak lelaki Orang Asli yang mengalami sesak nafas dari Pos Belatim di sini ke Hospital Gua Musang kelmarin.

Felly Amman, 3, yang turut mengalami demam panas sejak tiga hari lalu tidak dapat di bawa ke hospital selepas jalan balak di kampung berkenaan telah rosak.

Pegawai Perhubungan Awam Pangkalan Udara JBPM Subang, Selan-



FELLY bersama ibu dan bapanya dibawa menaiki helikopter untuk ke Hospital Gua Musang.

gor, Mohd. Farhan Marzuki berkata, pihaknya melakukan penerbangan ke pos berkenaan

pada pukul 3.50 petang selepas menerima laporan daripada Jabatan Kemajuan Orang Asli

(Jakoa).

"Pesawat Agusta Westland 139 selamat mendarat di pos itu pada pukul 5 petang. Pada pukul 5.11 petang, pesawat berjaya mendarat di pekarangan Balai Bomba dan Penyelamat Gua Musang.

"Pesakit dihantar ke hospital menggunakan kenderaan EMRS bomba. Kanak-kanak lelaki itu turut ditemani ibu dan bapanya menaiki helikopter sebelum ini dilaporkan sesak nafas," katanya ketika dihubungi di sini semalam.

Mohd. Farhan berkata, kanak-kanak itu dilaporkan stabil selepas menerima rawatan.